




PEMACU KEHARMONIAN UMMAH
1994 - 2019

Buku Laporan Tahunan
2019 **ZAKAT PULAU PINANG**
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
www.zakatpenang.com

Sekilas Pandang
Zakat Pulau Pinang 2019



*Penduduk Islam Pulau Pinang berdasarkan Data Kutipan Fitrah 2019

Isi Kandungan

muka surat

Sekapur Sireh	2
---------------	---

Perutusan

Pengerusi Jawatankuasa	
Hal Ehwal Agama Islam	4
Yang DiPertua MAINPP	5
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang	6

Maklumat Korporat

Sejarah Penubuhan ZPP	8
Kronologi Penubuhan Syarikat	9
Visi, Misi, Slogan, Objektif	10
Agihan, Piagam Pelanggan, Tanggungjawab	11
Struktur Organisasi ZPP	12
Jawatankuasa Utama Ahli Lembaga Pengarah	13
Ahli Lembaga Pengarah ZPP	17
Kaunter Cawangan Perkhidmatan Zakat	18
Laporan Ketua Pegawai Eksekutif	19
Sorotan Pencapaian	20
25 Tahun Zakat Pulau Pinang	26
Zakat Prihatin	29
Mendepani Cabaran	30

Laporan Program Sambutan 25 Tahun Zakat Pulau Pinang

Sambutan 25 Tahun ZPP	33
Majlis Pra Pelancaran Sambutan 25 Tahun ZPP	35
Karnival ZPP 2019	36
Pengisian Karnival Zakat 2019	37
Sorotan Sekitar Karnival Zakat 2019	38

Laporan Prestasi Kutipan dan Pemasaran

Carta Organisasi	47
Jabatan Kutipan dan Pemasaran	48
Pencapaian Kutipan dan Pemasaran Zakat Harta	48
Aktiviti Jabatan Kutipan dan Pemasaran 2019	52

Laporan Kutipan dan Bilangan	
Pembayar Zakat Fitrah 1441H	54
Laporan Prestasi ZPP 2019	55

Prestasi Agihan Zakat

Carta Organisasi As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.	58
Prestasi Agihan Zakat 2019 Mengikut Asnaf	59

Aktiviti JAPM

Laporan Agihan (2015-2019)	62
Laporan Bahagian Pendidikan	85
Zakat Pulau Pinang Dalam Akhbar	93
Ucapan Terima Kasih (Media & Akhbar)	98
Alamat Perhubungan Media Sosial	99
Saluran Bayaran Zakat	100

Buku Laporan Tahunan 2019

ini diterbitkan sebagai sumber maklumat kepada umat Islam di Negeri Pulau Pinang khususnya dan Malaysia amnya. Semoga masyarakat Islam seluruhnya mendapat manfaat daripada Buku Laporan Tahunan Zakat Pulau Pinang 2019 ini.



■ Perutusan

Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam



Y.B DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABDUL RAHMAN

Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang

Merangkap Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat Negeri Pulau Pinang

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama menyambut ulangtahun ke 25 penubuhan Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Alhamdulillah, dengan izin-Nya, sempena dengan ulangtahun ini, sebuah Buku Laporan Tahunan (Annual Report 2019) Zakat Pulau Pinang (MAINPP) telah dapat diterbitkan dengan jayanya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada ZPP-MAINPP kerana telah meluangkan kesempatan kepada saya untuk memberi sepatchah dua kata @ kata-kata aluan dalam Buku Laporan Tahunan ini.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada semua warga kerja ZPP-MAINPP kerana berjaya menghasilkan Buku Laporan Tahunan ini. Ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada seluruh warga kerja ZPP-MAINPP di atas perkhidmatan cemerlang dan terbaik yang dicurahkan kepada organisasi ZPP MAINPP dan masyarakat Islam sepanjang tempoh 25 tahun yang lalu.

25 tahun merupakan satu tempoh masa yang panjang. Banyak peristiwa berlaku. Ada peristiwa pahit dan manis. Kaitangan keluar-masuk dan silih berganti. Ahli Lembaga Pengarah datang dan pergi silih berganti. Pelbagai cara dan budaya kepimpinan dapat dilihat dan diterjemahkan dalam pengurusan zakat seharian. Setiap tahun banyak program baharu yang dilaksanakan sama ada bertujuan menyantuni golongan mustahik mahupun memperbanyakkan golongan muzakki.

Kewujudan Zakat Pulau Pinang sebagai salah sebuah organisasi yang disegani dan sentiasa mendepani isu-isu sosio-ekonomi dan kebajikan umat Islam di Pulau Pinang haruslah diberi pujian dan penghargaan. Saya berdoa semoga Zakat Pulau Pinang terus cemerlang dalam menyampaikan dakwah zakat sejajar dengan petunjuk al-Quran dan hadis.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada para pembayar zakat yang terus bersama ZPP-MAINPP setiap tahun. Doa saya semoga Allah SWT sentiasa memberi kemurahan rezeki dan keberkatan hidup buat semua pembayar zakat di Pulau Pinang. In sha Allah.

Sekian, terima kasih.

Perutusan Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang



Y.BHG DATO' HAJI ABDUL MALIK BIN HAJI ABUL KASSIM
Yang DiPertua, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)
Merangkap Pengurus As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.
(Zakat Pulau Pinang)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (ZPP-MAINPP) pada tahun ini sekali lagi berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan (Annual Report); yang juga merupakan tahun Jubli Perak sempena 25 Tahun Penubuhan Zakat Pulau Pinang MAINPP.

Alhamdulillah sepanjang tempoh 25 tahun ini, Zakat Pulau Pinang telah berjaya melaksanakan amanah yang telah diberikan; menyebarluaskan dakwah zakat; membantu asnaf melalui bantuan kewangan, peralatan, kemudahan, khidmat nasihat, mahupun bantuan dalam bentuk latihan, pendidikan dan kemahiran walaupun terpaksa mengharungi pelbagai cabaran, dugaan dan rintangan. Semuanya dilakukan bertujuan untuk menyempurnakan tanggungjawab yang dipikul demi mendapatkan keredhaan Allah SWT.

ZPP-MAINPP sentiasa merancang program dan aktiviti yang signifikan demi manfaat umat Islam. Semuanya mempunyai matlamat untuk menjaga kebijakan dan meningkatkan sosio-ekonomi umat Islam khususnya di Pulau Pinang. Kita bersyukur kerana sehingga sekarang, setiap usaha yang dilaksanakan oleh ZPP-MAINPP mendapat kerjasama yang baik daripada semua pihak; bukan sahaja dari jabatan-jabatan kerajaan, institusi-institusi korporat dan Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), tetapi juga daripada pemimpin-pemimpin tempatan dan pemimpin tertinggi. Terima kasih diucapkan kepada TYT Yang DiPertua Negeri Pulau Pinang kerana sentiasa memberi sokongan kepada setiap program dan aktiviti yang dilakukan oleh Zakat Pulau Pinang.

Sesungguhnya kejayaan yang telah dicapai oleh Zakat Pulau Pinang sepanjang 25 tahun ini tidak akan menyebabkan pengurusan dan warga kerja Zakat Pulau Pinang mudah berpuas hati dengan usaha-usaha yang dilakukan untuk golongan mustahik dan muzakki. Malah golongan mustahik ini patut terus dibantu, bukan sahaja dari segi sosial dan ekonomi tetapi juga untuk menjadikan mereka sebagai insan yang bersyukur atas ujian dan cabaran yang terpaksa dilalui dalam kehidupan seharian.

Saya yakin dan percaya dengan kepimpinan dan keyakinan baharu, ZPP-MAINPP dapat merancang untuk mencapai visi dan misi Zakat Pulau Pinang yang lebih besar.

Akhir kata, saya menyeru semua umat Islam di Negeri Pulau Pinang untuk terus melaksanakan kewajipan zakat anda di ZPP-MAINPP. Jadikan Zakat Pulau Pinang sebagai amil nombor satu anda. Jadikanlah Zakat Pulau Pinang sebagai tempat anda meletakkan kepercayaan dan amanah dalam pengagihan wang zakat anda.

Sekian terima kasih.

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang



AMRAN BIN HAZALI
Ketua Pegawai Eksekutif
Zakat Pulau Pinang, MAINPP

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Zakat Pulau Pinang 2019 berjaya diterbitkan untuk dijadikan sebagai tatapan serta rujukan kepada semua. Penerbitan ini adalah kompilasi informasi dan pencapaian penting Zakat Pulau Pinang, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (ZPP-MAINPP) bagi tahun 2019.

Tahun 2019, genaplah usia ZPP-MAINPP ke-25. Sepanjang penubuhannya, ZPP-MAINPP terus mengorak langkah sehingga menjadi institusi Islam yang dihormati di Negeri Pulau Pinang. Bertepatan dengan usia 25, tahun ini merupakan tahun yang cemerlang bagi ZPP-MAINPP kerana berjaya meningkat jumlah kutipan zakat RM121 juta. Selari dengan peningkatan kutipan, ZPP-MAINPP telah meningkatkan lagi usaha pengagihan zakat. Sejumlah RM111 juta telah berjaya diagihkan kepada asnaf yang layak pada tahun 2019 dengan sokongan yang padu daripada semua pihak.

Pencapaian ini bukan sahaja kerana usianya telah mencapai 25 tahun, tetapi juga kerana usaha yang dijalankan selama ini dalam tempoh tersebut sudah tentu diisi dengan pengalaman yang hebat dan komitmen yang tinggi dalam melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab yang dipikul demi memacu keharmonian ummah khusus asnaf zakat di negeri Pulau Pinang. Menyedari cabaran yang mendatang, ZPP-MAINPP akan mendepaninya dengan proaktif dan inovatif dalam meneruskan usaha memperkasakan aktiviti pembangunan masyarakat Islam di negeri ini.

Tahun ini juga amat bermakna kerana saya telah diberi kepercayaan untuk memimpin ZPP-MAINPP sebagai Ketua Pegawai Eksekutif bermula 1 Februari 2019. Dengan kedudukan prestasi ZPP-MAINPP semasa yang kukuh, saya cukup yakin bahawa ia merupakan kesinambungan sumbangan dan pengorbanan yang dicurahkan oleh kepimpinan yang terdahulu. Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah kepada kepimpinan terdahulu di atas usaha-usaha yang telah dilakukan dalam meletakkan Zakat Pulau Pinang di kedudukan pada masa kini.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan yang telah diberikan oleh semua warga ZPP-MAINPP dan semua pihak yang telah memberikan sokongan dalam memacu ZPP-MAINPP ke arah kecemerlangan.



Maklumat
Korporat

Sejarah Penubuhan

Di sebalik kejayaan yang dikecapi hari ini, terukirnya sejarah dan pengalaman yang menjadi dorongan kepada kami dalam memacu ZPP ke peringkat yang lebih tinggi.

Mari menyingkap kembali sejarah penubuhan Zakat Pulau Pinang (ZPP), Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Pada tarikh 23 Oktober 1993, Pegawai Kewangan Negeri, Y.B. Dato' Dr. Haji Mohd Shahar bin Sidek telah membentangkan satu kertas kerja berkaitan penubuhan syarikat milik penuh (100%) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) bagi urusan pungutan zakat di negeri Pulau Pinang. Pada 1 Jun 1994, Syarikat As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ) telah didaftarkan oleh MAINPP sebagai syarikat petugas amil bagi pihak MAINPP – nombor syarikat 302434 A dengan pelaburan modal sejumlah RM1,019,658.00 dan diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad milik penuh MAINPP.

Bermula 1 September 1994, ASUZ telah memulakan operasi sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang atau ringkasnya PUZ sebagai nama pejabat bagi ASUZ bertujuan untuk mengekalkan ‘public interest’

terhadap institusi zakat dan beroperasi di No 65, Jalan Selat, Taman Selat, Butterworth dan menjadi ibupejabat ketika itu. Bermula Mac 1999, MAINPP menyerahkan tugas dan tanggungjawab mengagihkan zakat termasuk Zakat Fitrah kepada PUZ yang sebelum ini hanya ditugaskan untuk mengutip zakat harta sahaja.

Pada Januari 2005, Ibu pejabat PUZ dipindahkan ke bangunan baharu di alamat No 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, 14000 Bukit Mertajam (Bangunan Milik ASUZ). ZPP mencatat sejarah apabila pada 26 April 2012, penjenamaan semula nama dan logo Pusat Urus Zakat, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang kepada nama korporat yang baharu iaitu Zakat Pulau Pinang, MAINPP. Penjenamaan ini telah disempurnakan oleh TYT Tun Dato Seri Utama Dr Hj Abdul Rahman Hj Abbas, Yang diPertua Negeri Pulau Pinang.



Kronologi Penubuhan **Syarikat As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. (ASUZ)**



PUZ
MAINPP

1993 - 2005



2012 - kini

Oktober
1993

Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang, Y.B Dato' Dr. Haji Mohd Shahar bin Sidek telah membentang kertas cadangan berkaitan penubuhan syarikat milik penuh (100%) MAINPP bagi urusan pungutan zakat di Pulau Pinang

Jun
1994

Mula didaftarkan dengan nama As-Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd (302434-A) dengan modal berbayar RM1.02 juta

September
1994

Memulakan operasi kutipan zakat sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat atau ringkasnya PUZ beroperasi di No 65, Jalan Selat, Taman Selat, Butterworth

Mac
1999

MAINPP menyerahkan tugas dan tanggungjawab mengagihkan zakat termasuk Zakat Fitrah kepada PUZ

Jan
2005

Ibu pejabat PUZ dipindahkan ke No 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda, Bukit Mertajam (Bangunan Milik ASUZ)

April
2012

Penjenamaan semula Pusat Urus Zakat kepada Zakat Pulau Pinang

Kini

Sehingga kini, terdapat seramai 83 orang kakitangan sokongan diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif dan 12 orang Ahli Lembaga Pengarah.

Visi

Zakat Pulau Pinang

sebagai sebuah organisasi terunggul dan berwibawa.

Misi

Menyedar dan mendidik

umat Islam untuk menunaikan kewajipan berzakat di Zakat Pulau Pinang kearah kesempurnaan ibadah.

Mengurus dana zakat

dengan adil, cekap, telus dan berkesan.

Slogan

" Zakat Prihatin "

Objektif

Kutipan

Berusaha meningkatkan

jumlah kutipan serta pembayar dari masa ke semasa.

Memudahkan urusan

pembayaran zakat melalui kaedah yang lebih sistematik dan efisyen.

Mendidik dan menyedarkan

umat Islam tentang pentingnya ibadah zakat seterusnya menjadikan ZPP MAINPP sebagai pilihan utama pelanggan.

Sentiasa berusaha

memastikan pelanggan berpuas hati melalui perkhidmatan terbaik.

Agihan

1. Memudahcara pengurusan zakat agar dapat memenuhi keperluan masyarakat Islam selaras dengan keperluan semasa.
2. Memainkan peranan penting dalam program pembangunan masyarakat Islam melalui kemudahan bantuan dalam bidang pendidikan, kebajikan, kesihatan dan pembangunan modal insan.
3. Mengukuhkan asas kekuatan ekonomi dengan meneroka peluang yang strategik dan berpotensi dalam mengembangkan dana zakat.
4. Memastikan keperluan asnaf yang mendesak (emergency) disegerakan.
5. Memberi layanan kaunter dengan cekap dan berkesan.
6. Memberi jawapan kepada aduan pelanggan dalam tempoh 14 hari bekerja selepas aduan diterima.

Piagam Pelanggan

"Kami berjanji untuk memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan serta layanan yang mesra dan adil kepada pembayar dan penerima bantuan zakat".

Hak Pembayar Zakat

1. Mendapat maklumat yang jelas dan tepat berkaitan zakat.
2. Menyediakan kemudahan pembayaran zakat yang terbaik melalui pelbagai kaedah.
3. Memastikan urusan pembayaran di kaunter tidak melebihi tempoh 5 minit.
4. Menghantar penyata bayaran zakat tahunan kepada pembayar yang membayar melalui Skim Sakinah tidak melebihi 31 Mac pada tahun berikutnya.

Hak Asnaf Zakat

1. Memastikan pengagihan zakat selaras dengan ketetapan syarak.
2. Memberi layanan yang mesra kepada semua yang berurusan di kaunter-kaunter perkhidmatan zakat.
3. Menerima semua borang permohonan bantuan yang lengkap dan memproses dalam tempoh 20 hari bekerja.
4. Memproses bantuan segera yang layak serta merta.

TANGGUNGJAWAB

Pembayar Zakat


1. Menunaikan zakat pada masanya
2. Memberi maklumat yang tepat untuk taksiran zakat
3. Menunaikan zakat bagi pihak tanggungan atau amanah yang dipegang
4. Mengingatkan rakan taulan dan saudara mara akan tanggungjawab menunaikan zakat.
5. Menyalurkan maklumat pihak atau individu lain yang layak menerima zakat.

Penerima Zakat

1. Memberi maklumat yang tepat semasa memohon bantuan.
2. Memenuhi syarat-syarat mengikut jenis bantuan yang dipohon
3. Bersikap dan berfikiran positif
4. Menggunakan wang zakat yang diterima seperti yang dipohon.
5. Bersyukur dan berpuas hati dengan bantuan yang diterima.

Struktur Organisasi Zakat Pulau Pinang

CARTA ORGANISASI AS-SAHABAH URUS ZAKAT SDN. BHD.



Jawatankuasa Utama **Ahli Lembaga Pengarah**

Setiap jawatankuasa berperanan seperti berikut :

1

Jawatankuasa Perjawatan dan Tatatertib

- Membincang dan memperakukan keputusan tentang struktur perjawatan dan skim perkhidmatan kakitangan dan lain-lain hal berkaitan perjawatan mengikut keperluan semasa yang telah dikemukakan oleh pihak pengurusan untuk diperakukan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Membincang dan membuat keputusan terhadap kes-kes salah laku disiplin dan tatatertib yang melibatkan semua kakitangan.
- Memperakukan tindakan disiplin yang diambil melalui dokumen-dokumen yang berkaitan seperti surat amaran, memorandum, surat pertuduhan, surat pembelaan diri, surat jawapan serta notis tunjuk sebab untuk perbincangan dan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

2

Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaburan

- Membincang, meneliti serta merancang projek-projek pembangunan dan pelaburan bagi pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan dasar dan strategi pembangunan dan pelaburan bagi projek-projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Membincang dan memperakukan cadangan peruntukan belanjawan projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memantau pelaksanaan projek-projek pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP
- Memperakukan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan pelaburan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP
- Memperakukan cadangan penambahan atau penamatan mana-mana projek pembangunan dan pelaburan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan Asnaf Zakat tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP

3

Jawatankuasa Belanjawan dan Kewangan

- Membincangkan dan memperakukan cadangan belanjawan tahunan ZPP untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan penyata kewangan tahunan ZPP untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan hapuskira aset tetap serta hutang-hutang yang tidak dapat dituntut untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan pelaburan ke institusi kewangan untuk kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Melulus dan menerima pakai pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbadanan Malaysia dan Kerajaan negeri Pulau Pinang.
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan kewangan yang tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

4

Jawatankuasa Promosi dan Pemasaran Zakat

- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan promosi dan pemasaran zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Menyediakan Pelan Strategik Promosi Dan Pemasaran Zakat.
- Memantau dan menilai keberkesanannya pelaksanaan strategi promosi dan pemasaran zakat yang sedia ada.
- Mencadangkan penambahbaikan atau pemansuhan aktiviti yang berkaitan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ZPP
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan aktiviti promosi dan pemasaran yang tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

5

Jawatankuasa Bantuan Bina dan Baik Pulih Rumah

- Membincang, meneliti dan meluluskan permohonan bantuan untuk membina atau membaik pulih rumah oleh Asnaf Fakir, Miskin dan Muallaf tertakluk kepada kadar kelulusan yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah ZPP dari masa ke semasa.
- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan bantuan bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Membincang dan memperakukan berhubung bantuan kepada mangsa bencana alam / musibah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung bantuan bina dan baik pulih rumah.
- Memperakukan laporan pelaksanaan program bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan penambahbaikan program bantuan bantuan bina dan baik pulih rumah untuk kelulusan Lembaga Pengarah ZPP.
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan bina dan baik pulih rumah tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

6

Jawatankuasa Bantuan Sarahidup dan Kebajikan

- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan bantuan seperti Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP
- Mengkaji dan menetapkan kadar amaun bantuan kewangan bulanan dan bantuan makanan bulanan dari masa ke semasa.
- Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan.
- Memantau pelaksanaan pengurusan Pusat Haemodialisis Zakat dan memperakukan laporan Pusat Haemodialisis Zakat untuk kelulusan Lembaga Pengarah ZPP.
- Mencadang dan memperakukan program pembangunan sosial, kebajikan dan kesihatan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan laporan pelaksanaan program Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan program pembangunan sosial, kebajikan dan kesihatan yang sedia ada untuk kelulusan dan perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan penamaian atau pemansuhan program yang berkaitan tertakluk kelulusan Lembaga Pengarah ZPP.
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Sarahidup dan Bantuan Rawatan / Pembedahan tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

7


Jawatankuasa Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan

- Menggubal dan menyelaras pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan ekonomi dan keusahawanan asnaf di Pulau Pinang untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Membincang, meneliti serta merancang projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Menyelaras kegiatan-kegiatan berkaitan kerjasama dua (2) hala dan pelbagai hala yang melibatkan pelbagai jabatan, organisasi, industri dan perdagangan.
- Membincang dan memperakukan cadangan peruntukan belanjawan projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Menentukan fokus dan hala tuju pembangunan ekonomi dan pembangunan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Menyelaras, memantau, dan melaksana projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan laporan pelaksanaan projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan penamaian atau penamatan mana-mana projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat untuk kelulusan Lembaga Pengarah ZPP.
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan ekonomi dan keusahawanan Asnaf Zakat tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.

8

Jawatankuasa Pembangunan Pendidikan dan Modal Insan


- Membincang, mencadang dan memperakukan dasar dan strategi yang berkaitan dengan bantuan seperti Bantuan Persekolahan, Bantuan Pendidikan termasuk Bantuan Permulaan ke IPT Dalam Negeri / Luar Negara serta Biasiswa untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Menyelesaikan isu-isu dan permasalahan yang berbangkit berhubung bantuan persekolahan dan bantuan pendidikan.
- Mencadang dan memperakukan program pembangunan modal insan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan laporan pelaksanaan program bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insan untuk kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insan yang sedia ada untuk kelulusan dan perakuan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.
- Memperakukan cadangan penambahan atau pemansuhan program yang berkaitan dengan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insan untuk kelulusan Lembaga Pengarah ZPP.
- Lain-lain perkara yang berkaitan dengan bantuan persekolahan, bantuan pendidikan dan program pembangunan modal insan tertakluk kepada perakuan jawatankuasa dan kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah ZPP.



Ahli Lembaga Pengarah
Zakat Pulau Pinang
(As-Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd.)
Sesi 2018 / 2019



Kaunter Cawangan Perkhidmatan Zakat



Laporan Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang

Segala puji dan syukur kehadrat Allah SWT Tuhan Yang Maha Esa kerana limpahnya keizinan-Nya juga Buku Laporan Tahunan Zakat Pulau Pinang bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dapat diterbitkan.

Dengan sukacitanya saya ingin membentangkan sebuah laporan ringkas aktiviti-aktiviti utama dan prestasi kutipan dan agihan zakat untuk tahun 2019. Menginjak usia ke-25 tahun penubuhannya, sepanjang tahun 2019 Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah berusaha meningkatkan pencapaian prestasi kutipan zakat dan agihan kepada asnaf serta agenda dakwah zakat dalam kehidupan masyarakat Muslim di Pulau Pinang. Semoga Buku Laporan Tahunan ZPP 2019 ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang fungsi dan pencapaian ZPP secara keseluruhannya dan seterusnya menjadi kayu serta penanda aras bagi warga ZPP untuk merancang program-program yang lebih memberi pendedahan dan impak yang positif yang diharapkan kepada masyarakat khasnya pembayar zakat dan asnaf pada masa hadapan.



Sidang media berkenaan prestasi kutipan dan agihan 2019 Zakat Pulau Pinang (ZPP) oleh YBhg Dato' Haji Abdul Malik Abul Kassim di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)

Sorotan Pencapaian

Pihak pengurusan ZPP terus komited mempergiatkan usaha dalam melaksanakan setiap perancangan dan pelan Tindakan yang telah disusun atur bagi memastikan objektif dan matlamat yang ditetapkan tercapai.

Pencapaian prestasi pada setiap peringkat pelaksanaan terus dipantau dan dinilai bagi memastikan segala usaha yang dipergiatkan berada pada landasan dan hala tuju yang tepat ke arah pencapaian yang digariskan di bawah perencanaan pelan pembangunan ZPP.

Justeru, bagi tahun 2019, ZPP terus melipatgandakan usaha agar penjanaan hasil terus dipertingkatkan di samping memastikan pengurusan kewangan yang berhemah lagi berintegriti bagi memastikan perbelanjaan dan pengagihan dana zakat dioptimumkan secara berkesan.

Secara keseluruhannya, ZPP berjaya meningkat kutipan zakat pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 dengan jumlah kutipan sebanyak RM121,483,234.90. Jumlah kutipan zakat harta yang berjaya dikutip bagi tahun 2019 ialah sebanyak RM116,364,840.21. Jumlah ini meningkat sebanyak 1.34% berbanding tahun 2018 iaitu berjumlah RM114,826,389.91. Peningkatan ini seiring dengan jumlah peningkatan pembayar zakat bagi tahun 2019 yang mencatatkan kenaikan 2.20% peningkatan jumlah pembayar zakat iaitu 67,149 orang berbanding pembayar zakat bagi tahun 2018 yang berjumlah 65,706 orang.

RM 121,430,880.21
JUMLAH KUTIPAN ZAKAT
TERKUMPUL

2019

PERBANDINGAN PRESTASI **KUTIPAN ZAKAT HARTA** (RM JUTA)

**MENINGKAT
1.34%**

114.8 116.3

JAN-DIS 2018

JAN-DIS 2019

PERBANDINGAN MENGIKUT JENIS ZAKAT HARTA BAGI TAHUN 2019 DAN 2018

JENIS ZAKAT	2019 (RM)	2018 (RM)
ZAKAT PENDAPATAN	72,820,914.10	64,569,673.00
ZAKAT PERNIAGAAN	25,341,054.15	33,229,626.22
ZAKAT WANG SIMPANAN	11,041,081.38	10,002,926.59
ZAKAT SAHAM	543,610.72	449,748.71
ZAKAT KWSP	2,366,790.57	2,176,698.19
ZAKAT EMAS	980,751.10	986,612.82
ZAKAT PERAK	5,223.76	3,243.80
QADHA ZAKAT	198,448.49	203,967.50
ZAKAT HARTA	2,701,297.13	2,848,930.75
ZAKAT TANAMAN	358,168.81	345,132.33
ZAKAT TERNAKAN	7,500.00	9,830.00
JUMLAH	116,364,840.21	114,826,389.91

PERBANDINGAN KUTIPAN ZAKAT HARTA BAGI TAHUN 2019 DAN 2018

BULAN	2019 (RM)	2018 (RM)
JANUARI	7,490,575.04	16,870,477.32
FEBRUARI	5,337,903.57	4,728,045.50
MAC	6,918,538.13	10,479,156.70
APRIL	14,786,799.85	6,260,702.94
MEI	17,350,925.62	14,287,923.08
JUN	6,517,110.97	11,185,774.81
JULAI	6,286,967.21	5,142,904.35
OGOS	6,186,030.83	5,665,702.86
SEPTEMBER	6,184,497.16	8,393,294.23
OKTOBER	6,907,302.10	6,381,761.62
NOVEMBER	6,384,623.83	4,842,915.76
DISEMBER	26,013,565.90	20,587,730.74
JUMLAH	116,364,840.21	114,826,389.91

Pada bulan Disember setiap tahun, ZPP menerima pembayaran zakat tertinggi berbanding pada bulan lain. Pada bulan Disember 2019, kutipan Zakat Harta sebanyak RM26,013,565.90 berbanding bulan Disember 2018 sebanyak RM20,587,730.74. Kadar peningkatan sebanyak 26.35%.

Skim Potongan Gaji merupakan penyumbang tertinggi bagi kutipan zakat di ZPP setiap tahun. Pada tahun 2019, kutipan zakat bagi Skim Potongan Gaji sebanyak RM52,468,322.26 berbanding pada tahun 2018, kutipan zakat bagi Skim Potongan Gaji sebanyak RM 48,579,407.22. Kadar peningkatan sebanyak 8.0%.


PERBANDINGAN KUTIPAN SKIM POTONGAN ZAKAT BAGI TAHUN 2018 DAN TAHUN 2019

BULAN	2018 (RM)	2019 (RM)
JANUARI	2,203,389.87	4,959,886.09
FEBRUARI	2,558,232.68	3,231,067.10
MAC	6,062,702.26	4,046,933.97
APRIL	3,935,786.41	4,412,621.81
MEI	5,268,640.72	5,899,043.84
JUN	3,120,818.61	3,466,908.88
JULAI	2,292,267.89	4,322,960.01
OGOS	3,058,175.88	4,160,407.87
SEPTEMBER	5,934,536.58	3,543,678.89
OKTOBER	4,304,771.34	4,677,247.90
NOVEMBER	2,558,226.06	3,985,744.64
DISEMBER	7,279,840.92	5,761,821.26
JUMLAH KUTIPAN	48,579,407.22	52,468,322.26

Selain Skim Potongan Gaji, kutipan Zakat Perniagaan juga salah satu penyumbang tertinggi kepada kutipan zakat setiap tahun. Pada tahun 2019, kutipan Zakat Perniagaan sebanyak RM25,341,054.15 berbanding kutipan Zakat Perniagaan tahun 2018 sebanyak RM33,229,626.22. Jumlah ini menurun sebanyak 23.74%.



Jumlah kutipan Zakat Fitrah 1441H (2019) sebanyak RM5,066,361.00 berbanding kutipan Zakat Fitrah 1440H (2018) sebanyak RM4,907,823.00. Kadar peningkatan sebanyak 3.23%.




Majlis Pentauliahan Amil Zakat Fitrah 1441H telah disempurnakan oleh YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun 2019, bilangan Muzakki adalah seramai 67,149 orang berbanding pada tahun 2018 seramai 65,706 orang. Kadar ini meningkat sebanyak 2.20%.


Manakala bilangan Muzakki baharu pada tahun 2019 yang direkodkan adalah seramai 6,250 orang berbanding bilangan Muzakki baharu pada tahun 2018 seramai 5,675 orang.

PERBANDINGAN PRESTASI PEMBAYAR ZAKAT HARTA BAGI JANUARI – DISEMBER 2018 - 2019



Pada tahun 2019, ZPP telah berjaya mengagihkan sebanyak RM110,967,994.17 berbanding pada tahun 2018 sebanyak RM101,010,171.69.

Dana agihan zakat ini merangkumi program-program pengagihan yang berbentuk kosumtif dan produktif.



PERBANDINGAN AGIHAN 2018 DENGAN 2019

KATEGORI ASNAF	2018		2019	
	Agihan (RM)	Penerima	Agihan (RM)	Penerima
Fakir	7,059,726.40	4,237	6,534,975.26	3,878
Miskin	49,728,493.60	39,621	47,954,671.63	37,869
Amil	14,504,686.44	234	14,757,740.04	229
Muallaf	2,206,666.00	1	2,336,666.00	1
Ghorimin	2,788,577.50	394	2,127,711.11	289
Ibnu Sabil	284,764.90	169	291,272.30	180
Fisabilillah	34,395,079.33	3,495	26,625,424.35	3,548
GST- Upah Amil	-	0	381,711.00	1
Jumlah Keseluruhan	10,967,994.17	48,151	101,010,171.69	45,995

Pada tahun 2019, jumlah bilangan penerima zakat adalah sebanyak 37,059 orang berbanding pada tahun 2018 seramai 35,587 orang. Kadar peningkatan sebanyak 4.14%. Alhamdulillah, setiap tahun penerima bantuan zakat baharu juga meningkat.

Pada tahun 2019, bilangan penerima zakat baharu seramai 7,442 orang, berbanding pada tahun 2018, bilangan penerima zakat baharu seramai 6,963 orang. Kadar peningkatan sebanyak 6.88%.

25 Tahun **Zakat Pulau Pinang**

Bertemakan Pemacu Keharmonian Ummah, ZPP telah menyambut usia 25 tahun penubuhannya dengan penuh gemilang. Syarikat ZPP ditubuhkan pada 1 Jun 1994 bersamaan 21 Dzul Hijjah 1414H di bawah Akta Syarikat 1965.

Antara matlamat penubuhan Zakat Pulau Pinang ialah:-

1. Meningkatkan kutipan zakat negeri Pulau Pinang.
2. Memperkenal sistem pungutan zakat yang lebih sistematik melalui operasi berkomputer.
3. Sebagai elemen ingat dan sedar kepada umat Islam bahawa zakat dapat memainkan peranan besar dalam mengukuhkan ekonomi umat Islam.
4. Menyediakan kemudahan membayar dan mengagihkan wang zakat dengan lebih berkesan dan adil agar pembayar zakat dan umat Islam yakin dan berpuas hati.
5. Memperkenal budaya kerja korporat dalam operasi pungutan dan pengagihan kumpulan wang zakat.
6. Satu institusi zakat yang unggul dan menjadi salah satu teras sosio-ekonomi umat Islam berlandaskan:
 - Perkhidmatan yang berkualiti
 - Pengurusan korporat yang mantap dan berdaya maju
 - Penggunaan teknologi terkini
 - Pengembelangan dan pembangunan sumber manusia
 - Pertalian yang erat dengan semua pihak



Sambutan Jubli Perak ini sangat signifikan dengan keberadaan ZPP di hati masyarakat Islam di Pulau Pinang. Sebagai tanda penghargaan ZPP kepada muzakki (pembayar zakat) dan mustahiq (penerima zakat), pelbagai program telah dijalankan seperti pelancaran bulan zakat peringkat negeri Pulau Pinang, Karnival Zakat 2019, Makmal Usahawan Ekonomi Asnaf 2019 dan sebagainya yang melibatkan pelbagai golongan sasar berkaitan secara langsung dan tidak langsung dengan ZPP.

Antara objektif program-program yang dijalankan merangkumi:

1. Menggalakkan pelaksanaan ibadah dan pembayaran zakat sempena sambutan bulan-bulan mulia dalam Islam, bulan Maal Hijrah dan sambutan Maulidur Rasul.
2. Mempromosi dan menyebar luas maklumat berkaitan ibadah zakat yang diurustadbir oleh ZPP, MAINPP.
3. Menyedarkan umat Islam bahawa dana zakat yang diuruskan oleh ZPP adalah sebagai pemangkin kepada program-program pembangunan sosial ekonomi dan kebajikan asnaf.
4. Meningkatkan keyakinan dan kefahaman masyarakat Islam tentang perlunya kewajipan membayar zakat serta kepentingan mematuhi hukum syarak dan perundangan zakat.
5. Memberi pendedahan kepada masyarakat Islam tentang jenis dan skim bantuan zakat yang sedia ada.
6. Mengukuhkan jalinan kerjasama ZPP dengan sektor swasta, sektor awam, jabatan-jabatan, agensi-agensi, syarikat-syarikat, badan NGO dan masyarakat Islam.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa **Fatwa Negeri Pulau Pinang 2019** **(Muzakarah Zakat)**

Zakat Pulau Pinang telah menganjurkan Muzakarah Khas Zakat yang berlangsung di Sungai Petani selama dua hari bermula pada 18 - 19 September 2019. Tujuan penganjuran adalah bagi membincangkan berkenaan isu-isu zakat kontemporari khususnya di Negeri Pulau Pinang.

Terdapat 8 Kertas Kajian yang dibentangkan oleh Zakat Pulau Pinang kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang seperti berikut:

1. Kertas kajian kaedah pengiraan sedia ada bagi zakat tanaman iaitu 10% dari hasil bersih selepas tolakan kos yang dibenarkan.
2. Kertas kajian semakan pandangan fatwa berhubung pelantikan kakitangan syarikat As-Aahabah Urus Zakat Sdn. Bhd (ASUZ) sebagai amil zakat harta.
3. Kertas kajian penggunaan kad kredit sebagai alat (instrumen) pembayaran zakat.
4. Kertas kajian penetapan kadar uruf pemaikan emas di negeri Pulau Pinang.
5. Kertas kajian zakat al-Mustafad.
6. Kertas kajian zakat kepada amil.
7. Kertas kajian kaedah penetapan kiraan nisab zakat harta bagi negeri Pulau Pinang.
8. Persoalan umum berkenaan zakat.



Hasil pembentangan kertas-kertas kajian yang dibentangkan dijadikan hukum fatwa zakat semasa, kertas polisi dan panduan perkhidmatan pelanggan di kaunter-kaunter zakat di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Zakat Prihatin

Pencapaian yang sangat memberangsangkan pada 2019 ini disokong dengan kepercayaan masyarakat bahawa zakat merupakan antara platform utama bagi umat Islam untuk mempunyai sifat prihatin dan bertanggungjawab terhadap nasib saudaranya yang lain serta saling memberi jaminan perlindungan antara satu sama lain. ZPP menyedari bahawa pengurusan zakat secara efisien dan sistematik mampu melonjakkan potensi zakat sebagai instrumen pembangunan umat Islam khususnya di Pulau Pinang.



Menerusi dua jabatan sebagai pemacu utama kepada ZPP iaitu Jabatan Kutipan dan Pemasaran (JKP) dan Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat (JAPM), telah menggerakkan aktiviti-aktiviti berimpak tinggi sesuai dengan tanggungjawab untuk memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memuaskan hati pelanggan serta layanan yang mesra dan adil kepada pembayar dan penerima bantuan zakat di Pulau Pinang.

Zakat Prihatin yang dicorakkan oleh dua pemacu utama ini bertunjangkan keprihatinan ZPP memikul dakwah zakat dalam menyampaikan kesedaran kefarduan zakat kepada masyarakat Muslim di Pulau Pinang yang mempunyai kemampuan agar berterusan melaksanakan pembayaran zakat. Di samping itu, ZPP bertanggungjawab memayungi para mustahiq agar kehidupan mereka lebih terjamin dengan amanah dana zakat yang dikutip dengan telus, adil dan berintegriti.

Mendepani Cabaran

Berlandaskan prestasi semasa, ZPP berada pada landasan yang tepat memacu kegemilangan institusi zakat khususnya di Pulau Pinang selaras dengan pedoman daripada al-Quran dan as-Sunnah. Justeru, penerapan budaya kerja berprestasi tinggi yang menekankan aspek progresif, inovatif dan kreatif dalam pengurusan operasinya akan terus diamalkan agar kualiti penyampaian perkhidmatan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, usaha meningkatkan penjanaan kutipan zakat sama ada akan dilipatgandakan demi kemaslahatan ummah. Usaha ini adalah bertujuan untuk mempertahankan survival ummah terutamanya menggiatkan pelbagai program bantuan agihan zakat bagi merapatkan jurang ekonomi di kalangan masyarakat dengan penglibatan yang aktif lagi inklusif menangani kemiskinan khususnya di kalangan masyarakat Muslim di negeri ini.



Mengorak langkah ke hadapan, Pengurusan ZPP berkeyakinan tinggi bahawa, kelangsungan sokongan warga Muslim terhadap institusi zakat akan terus lestari dan mantap, malah, penjanaan sumbernya juga akan terus diperkasakan. Bersandarkan kepada pencapaian sepanjang 25 tahun ini, ZPP mampu menangani cabaran-cabaran yang dihadapi dan semakin matang dalam mendepani apa jua cabaran serta bergerak seiring dengan aspirasi ummah, pada masa akan datang. Keyakinan ini menjadikan ZPP optimis meletakkan sasaran yang lebih tinggi pada tahun hadapan.

Secara kesimpulannya, warga ZPP merasa bertuah kerana telah melalui tahun ke 25 nya pada tahun 2019 dengan jayanya. Dengan Perancangan yang sedia ada, Insha Allah, dengan izin Yang Maha Esa, proses pengukuhan kapasiti penjanaan dan pengagihan dana zakat untuk memahamkan kewajipan berzakat kepada seluruh masyarakat Muslim terus boleh dilaksanakan. Dengan semangat kerja yang kuat dan perancangan masa depan yang mampan, saya yakin ZPP akan dapat menempa lebih banyak kejayaan pada tahun-tahun yang mendatang.

Kenali Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang

AMRAN BIN HAZALI

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang

Pendidikan

- Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Hons) – UUM
- Diploma Perakaunan - UiTM

Pengalaman Pekerjaan

- 1993-1994 :
Penolong Akaun di Petronas Carigali Sdn Bhd
- 1994-1995 :
Pemangku Pengurus Pemasaran di Panglima Aces Sdn Bhd
- 1995-2000 :
Ketua Jabatan di Lembaga Zakat Selangor
(Pusat Zakat Selangor)
- 2000-2019 :
Penolong Pengurus Besar di Pusat Pungutan Zakat
(Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan)
- 2019 – kini :
Ketua Pegawai Eksekutif di Zakat Pulau Pinang
(Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang)





Laporan Program Sambutan 25 Tahun Zakat Pulau Pinang

Sambutan
25 Tahun Zakat Pulau Pinang

ZAKAT PULAU PINANG 25 TAHUN PEMACU KEHARMONIAN UMMAH

Zakat Pulau Pinang (ZPP) menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-25 pada Jun 1994. ZPP mula didaftarkan dengan nama As-Sahabah Urus Zakat Sdn Bhd (302434-A) dengan modal berbayar RM1.02 juta. Pada bulan September 1994 ZPP memulakan operasi kutipan zakat sepenuhnya dengan menggunakan nama Pusat Urus Zakat atau ringkasnya PUZ beroperasi di No 65, Jalan Selat, Taman Selat, Butterworth, Pulau Pinang.



Sebagai memperingati ulangtahan penubuhan Zakat Pulau Pinang.

Mewar-warkan peranan dan fungsi Zakat Pulau Pinang kepada umat Islam di Pulau Pinang sepanjang tempoh penubuhan.

Memberikan pendedahan tentang maklumat terkini dan semasa kepada orang ramai berkenaan pengurusan dan pentadbiran Zakat Pulau Pinang.

Memberi peluang untuk menjalankan jualan produk dan meningkatkan pendapatan di kalangan golongan asnaf di bawah program pembangunan asnaf.

Menyuburkan semangat kesatuan dan kesepakatan dalam melaksanakan tugas, aktiviti dan program dalam kalangan kakitangan Zakat Pulau Pinang.

Melahirkan lebih ramai bakal-bakal pembayar zakat baharu melalui program pembangunan ekonomi dan penambahan pendapatan.



PEMACU KEHARMONIAN UMMAH 1994 - 2019

Logo khas 25 tahun telah direka untuk digunakan sebagai lambang sambutan 25 tahun. Sempena ulang tahunnya yang ke 25, ZPP menampilkan rekaan logo dengan membawa moto PEMACU KEHARMONIAN UMMAH. Penggunaan warna hijau lumut, hijau epal dan kelabu merupakan kesinambungan daripada warna logo rasmi ZPP. Ini sekaligus menggambarkan identiti korporat ZPP sebagai sebuah organisasi yang akan terus menuaikan tanggung jawabnya sebagai entiti pengurusan zakat dan turut menyumbang kepada peningkatan taraf sosio ekonomi umat Islam khususnya di negeri Pulau Pinang. Reka bentuk logo yang menggunakan jalur seakan sayap yang akan membawa ZPP untuk terbang ke tahap yang lebih tinggi terutamanya dalam mendepani era digital yang serba kompetitif dan mencabar. Angka dua dan lima adalah dari jenis ‘font’ yang dikemas kini dan eksklusif, berbentuk sedikit bulat menzahirkan hasrat ZPP untuk terus menyantuni para pelanggannya yang terdiri daripada golongan asnaf sehingga alah pembayar zakat.

Majlis Pra Pelancaran **Sambutan 25 Tahun Zakat Pulau Pinang**

Majlis Pra Pelancaran Sambutan Ulang Tahun ZPP ke-25 telah diadakan pada 18 April 2019 yang dilancarkan oleh Timbalan Ketua Menteri (1) Negeri Pulau Pinang bertujuan untuk mewar-warkan sambutan penubuhan ZPP yang telah mencapai usia ke-25 tahun.



Majlis Bacaan Yassin dan Solat Hajat di Masjid Daerah Seberang Selatan sempena Majlis Pra Pelancaran Sambutan Ulang tahun ZPP ke-25

Karnival **Zakat Pulau Pinang 2019**

Karnival Zakat 2019 yang telah diadakan sempena sambutan Jubli Perak 25 Tahun ZPP pada 28hb & 29hb September 2019 di perkarangan Masjid Daerah SPT telah berjalan dengan lancar dalam suasana yang cukup meriah dan penuh semangat persaudaraan Islam. Pelancaran dilakukan oleh TKM1 Pulau Pinang, YB Dato Ir Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd Rahman.



Karnival ini diadakan sebagai tanda penghargaan ZPP kepada mereka yang sentiasa memberi sokongan padu terhadap keberadaan ZPP termasuk kepada amil zakat, asnaf zakat dan pembayar zakat di Pulau Pinang.

Pengisian Karnival Zakat 2019



28 dan 29
September 2019

MASJID DAERAH
SEBERANG PERAI TENGAH
Bandar PERDA

9.00 Pagi hingga 11.00 Malam

- . Sukaneka . Demo Masakan . Zakat Fun Run 2019 . Persembahan Nasyid
- . Forum Perdana Zakat . Pertandingan Beyblade . Pemeriksaan Kesihatan
- . Seminar Motivasi Pelajar . Pameran dan Jualan Produk Asnaf
- . Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak
- . Pertandingan Gubahan Tuala, Anyaman Ketupat dan lain lain



 zakatpenang

28 SEPT 2019 (SABTU)

9.00 PG - 9.00 MLM

Pameran / booth oleh agensi jemputan.

- Gerai jualan makanan & minuman - Kaunter kutipan & kaunter agihan (on-line) - Pemeriksaan kesihatan

10.00 PG - 12.00 TGH

Majlis Perasmian Karnival Zakat Jubli Perak 25 Tahun Zakat Pulau Pinang

- Disempurnakan oleh TKM 1
- Gimik Pelancaran Karnival
- Penyampaian sambutan Jawatankuasa Kariah
- Pembayaran zakat korporat
- Penyampaian hadiah pertandingan

2.30 PTG - 6.30 PTG

- Pertandingan Mewarna
- Acara kanak-kanak / pertandingan 'Beyblade' dan Sukaneka

9.00 MLM - 11.00 MLM

- Persembahan Malam Kesenian Islam oleh KUMPULAN NASYID HIJJAZ

29 SEPT 2019 (AHAD)

7.00 PG - 9.30 PG

Acara Larian 'ZAKAT FUN RUN 2019'

- Senamrolik & Penyampaian Hadiah

9.00 PG - 9.00 MLM

Pameran / booth oleh agensi jemputan.

- Gerai jualan makanan & minuman - Kaunter kutipan & kaunter agihan (on-line) - Pemeriksaan kesihatan

10.00 PG - 12.30 TGH

Demo Masakan Oleh Chef Kamarul

- Pertandingan Masakan / Gubahan

10.00 PG - 1.00 TGH

- Seminar Kembali Menyertai Putera Diri (Dileh : Dr Shukri Abdullah)

2.30 PTG - 4.30 PTG

- Pertandingan Nasyid KAFA
- Penyampaian Hadiah

5.00 PTG - 6.30 PTG

Acara sukaneka

- Menganyam ketupat
- Gubahan tuala

9.00 MLM - 11.00 MLM

FORUM ZAKAT

- Tajuk : "Zakat Pemacu Keharmonian Ummah"

Panel 1 – Prof Madya Dato' Dr. Mohd Izhar Ariff Bin Mohd Kusim

Penyayarah Jab Syariah UKM

Panel 2 – Ustaz Ilyas Bin Ismail

Pendakwah Bebas

Moderator – Muhammad Nazreen Bin Adnan

Pensijion Hal Ehwal Islam

Kompleks Inapan Kasih Sayang

Zakat Pulau Pinang

Sorotan Sekitar Karnival Zakat 2019



Sorotan Sekitar Karnival Zakat 2019



Program Makmal Usahawan Ekonomi Asnaf

Program yang berlangsung pada 30 April dan 1 Mei 2019 di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas, telah dihadiri hampir 170 peserta asnaf dari seluruh Pulau Pinang. Sebanyak 8 buah syarikat korporat, agensi kerajaan dan swasta telah hadir pada program ini antaranya, Kolej Komuniti Bayan Baru, ZZCT Global Malaysia, Ilham Qalifa, Shariah & Halal Compliance Dept of QSR Brands, E-Idaman Group of Companies, Bank Muamalat dan Optopreneur College bagi membimbing dan memberi penerangan kepada para usahawan asnaf dalam memajukan ekonomi dan perniagaan mereka serta memberi peluang perniagaan untuk mereka ceburi.



Majlis tersebut telah dirasmikan oleh YBhg Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kasim, Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) merangkap Pengerusi Zakat Pulau Pinang, MAINPP.



Forum Perdana **Wacana Ilmu Zakat**

Majlis Wacana Ilmu Zakat bertajuk ‘Menyingkap Tabir Barokah’ berlangsung pada 30 Mac 2019 di Masjid Abdullah Fahim, Kepala Batas.



Panel yang dijemput ialah Syeikh Ahmad Faisol bin Haji Omar dan Ustaz Mohd Fadhlly bin Hasbullah @ Ustaz Manis serta moderator iaitu Ustaz Omar bin Ibrahim Khalid.



Program **Nur Ramadhan 1440H**

Program tahunan ini diadakan bagi mengagihkan sumbangan zakat kepada asnaf fakir miskin sempena bulan Ramadhan. Program Nur Ramadhan Siri 1 telah berlangsung di Dewan Millenium, Kepala Batas pada 25 April 2019.



Program Nur Ramadhan Siri 2 berlangsung pada 30 April 2019 di Tapak Pesta Sungai Nibong dan telah dirasmikan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Dato Abdul Malik Bin Abul Kassim.

Keseluruhan agihan Zakat Pulau Pinang sempena Nur Ramadhan 2019 adalah sebanyak RM7,680,750.00.



Program Iftar dan Pembayaran Zakat Perniagaan

Tarikh : 29 Mei 2019

Tempat : The Light Hotel, Seberang Jaya



Pelancaran **Bulan Zakat 2019**

Pelancaran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang 2019 julung kali dilancarkan pada 2 November 2019 di Mydin Mall, Bukit Mertajam.



Antara aktiviti yang dijalankan ialah pertandingan mewarna terbuka bagi kanak kanak, pemeriksaan dan kempen derma darah, sembang santai bersama selebriti, persembahan oleh Hafiz Hamidun, pembayaran zakat korporat, serahan geran kepada Unit / Jabatan Kerja Sosial Hospital dan serahan Bantuan Permulaan IPT.

Pelancaran Bulan Zakat Negeri Pulau Pinang 2019 ini telah disempurnakan oleh YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang.




Hi Tea Bersama Media

Majlis Hi Tea Bersama Media diadakan pada 23 Disember 2019 di The Light Hotel, Seberang Jaya. Majlis telah dirasmikan oleh YDP Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Ybhg Dato Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim.

Dalam majlis ini disampaikan anugerah kepada para pemenang Pertandingan Penulisan Artikel Popular ZPP yang telah diadakan sempena Sambutan Ulangtahun ke-25 Zakat Pulau Pinang.


Tempat pertama menerima wang tunai RM1,000 & sijil, tempat kedua menerima RM700 & sijil, tempat ketiga menerima RM500 & sijil, dan 3 hadiah saguhati menerima RM300 seorang & sijil.





Laporan Prestasi Kutipan & Pemasaran

Carta Organisasi **Jabatan Kutipan dan Pemasaran**




Jabatan **Kutipan dan Pemasaran**


Jabatan Kutipan dan Pemasaran (JKP) adalah jabatan yang menjadi nadi penggerak kepada ZPP, di mana fungsi utama JKP ialah merancang dan melaksanakan aktiviti pemasaran seterusnya melaksanakan kutipan zakat. Selain itu, JKP melalui aktiviti yang dijalankan, perlu memastikan dakwah zakat khasnya, serta maklumat program pembangunan asnaf dapat disebarluaskan secara menyeluruh ke semua peringkat. Dengan cara ini, akan dapat menambahkan keyakinan di kalangan masyarakat untuk terus memilih ZPP sebagai Amil Zakat, untuk semua urusan ibadat zakat.

JKP kini mempunyai seramai 14 orang kakitangan, di mana 6 orang terlibat secara langsung dengan aktiviti pemasaran zakat, 4 orang di Bahagian Perniagaan manakala 4 orang lagi di Bahagian Potongan Gaji.


Pencapaian **Kutipan dan Pemasaran Zakat Harta** **(2010 - 2019)**



Jumlah Kutipan dan Pembayar Zakat
Skim Potongan Zakat Bulanan
(2010 - 2019)



Lokasi Kaunter Perkhidmatan Zakat Pulau Pinang



Kemudahan Pembayaran **Zakat Pulau Pinang**

1

Bayaran di semua 8 cawangan ZPP

Bayaran zakat melalui

Skim Potongan Zakat Bulanan yang disediakan oleh pihak majikan.

2

3

Melalui perbankan internet

RHB / Ambank / CIMB / Maybank 2U / Bank Rakyat / Affin Bank / Jom Pay.

Bayaran zakat melalui pos

sama ada cek, kiriman wang, wang pos, arahan tetap melalui bank, yang dibuat atas nama ZPP.

4

5

ZPP menyediakan kaunter bulanan iaitu di
KOMTAR, USM Pulau Pinang dan Hospital Pulau Pinang.

6

Perkhidmatan kaunter bergerak

yang dibuka dari semasa ke semasa di sekitar Pulau Pinang.

7

Wakil Kutipan (Wakalah)

8

Snap & Pay

Aktiviti Jabatan Kutipan & Pemasaran 2019

Perkhidmatan Kaunter Bergerak



Kaunter Perkhidmatan Zakat




Aktiviti JKP 2019 Serahan Zakat Perniagaan / Korporat



Laporan Kutipan dan Bilangan Pembayar Zakat Fitrah 1441H

QARYAH	FITRAH (RM)	BIL ORANG
TIMUR LAUT	985,754.00	140822
BARAT DAYA	8888,573.00	126939
BUTTERWORTH	475,097.00	67871
KEPALA BATAS	703,822.00	100546
BUKIT MERTAJAM	1,523,963.00	217709
NIBONG TEBAL	488,894.00	69842
JUMLAH	5,066,103.00	723729


Perbandingan Jumlah Kutipan **Zakat Fitrah 1430H - 1441H**



LAPORAN PRESTASI ZAKAT PULAU PINANG 2019

RINGKASAN LAPORAN PRESTASI KUTIPAN & AGIHAN ZAKAT DI NEGERI PULAU PINANG BAGI TEMPOH JANUARI – DISEMBER 2019

Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah mengutip **zakat** sebanyak **RM121,483,234.90** dan telah mengagihkan sebanyak **RM110,989,506.99** bagi menyantuni golongan asnaf zakat di Negeri Pulau Pinang sepanjang tahun 2019



PERBANDINGAN PRESTASI PEMBAYAR ZAKAT HARTA BAGI JANUARI – DISEMBER 2018 - 2019




JUMLAH KUTIPAN ZAKAT TERKUMPUL 2019

RM 121,483,234.90

PERBANDINGAN PRESTASI KUTIPAN ZAKAT HARTA



JUMLAH KUTIPAN ZAKAT FITRAH 1430H – 1441H





Prestasi
Agihan Zakat


Pengagihan Zakat yang dilaksanakan oleh **Zakat Pulau Pinang, MAINPP** adalah berdasarkan kepada ketetapan yang telah diputuskan melalui **Muzakarah Penetapan dan Pengesahan Hukum dan Dasar Agihan MAINPP** yang telah diadakan pada **26-28 September 1998**.




Jabatan Agihan dan Pembangunan Masyarakat (JAPM) merupakan jabatan terpenting ZPP dalam memastikan dana zakat yang diagihkan secara adil, telus dan sampai ke sasaran (asnaf). Fungsi JAPM meliputi merancang dan melaksana aktiviti-aktiviti agihan secara sistematik dan berkesan kerana aktiviti agihan merangkumi agihan secara konsumtif dan agihan secara produktif. Dengan kaedah agihan ini, bantuan-bantuan zakat dapat disampaikan dengan cepat dan menepati falsafah zakat sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an dan as-Sunnah.

JAPM kini mempunyai seramai 22 orang kakitangan yang dipecahkan kepada 3 Bahagian utama iaitu Bahagian Pembangunan dan Sosial, Bahagian Pengurusan Pembangunan Kualiti Asnaf dan Ekonomi dan Bahagian Pendidikan.

CARTA ORGANISASI AS-SAHABAH URUS ZAKAT SDN. BHD.



Prestasi Agihan Zakat 2019 Mengikut Asnaf




1	RM49,728,493.60	Miskin
2	RM7,059,726.40	Fakir
3	RM14,504,686.44	Amil
4	RM34,395,079.33	Fi Sabilillah
5	RM2,206,666	Muallaf
6	RM2,788,577.50	Ghorimin
7	RM284,764.90	Ibnu Sabil
		Al-Riqab

Perbandingan **Agihan dan Penerima Bantuan** **(2010 - 2019)**



Aktiviti JAPM Statistik Kewangan Bulanan 2019



Aktiviti siasatan, bancian dan penyerahan bantuan zakat.

Aktiviti JAPM

Laporan Agihan (2015 - 2019)

Bil	Program	Objektif	Jumlah Penerima	Perbelanjaan
1.	Bantuan Kewangan Bulanan	Meringankan beban kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan yang tetap setiap bulan	2015 : 2928 2016 : 3456 2017 : 3739 2018 : 3876 2019 : 4148	2015 : RM10,214,940.00 2016 : RM12,293,930.00 2017 : RM13,444,380.00 2018 : RM13,997,285.70 2019 : RM14,894,310.00
2.	Bantuan Kewangan Sekaligus	Membantu golongan Asnaf Fakir dan Miskin yang bersifat sementara yang tidak berkelayakan untuk menerima bantuan kewangan atau makanan bulanan	2015 : 6678 2016 : 6434 2017 : 6941 2018 : 6795 2019 : 7211	2015 : RM 6,104,706.75 2016 : RM 5,899,170.00 2017 : RM 5,175,375.50 2018 : RM 5,565,201.00 2019 : RM 6,146,513.00
3.	Bantuan Makanan Bulanan	Meringankan beban kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan yang tetap setiap bulan dalam bentuk barang keperluan harian	2015 : 632 2016 : 780 2017 : 768 2018 : 806 2019 : 961	2015 : RM 1,378,540.00 2016 : RM 1,704,120.00 2017 : RM 1,903,920.00 2018 : RM 1,805,914.71 2019 : RM 1,679,324.60
4.	Program Nur Ramadhan	Meringankan beban golongan Fakir dan Miskin yang menerima bantuan kewangan bulanan sempena menyambut kedatangan Ramadhan	2015 : 3341 2016 : 3598 2017 : 3655 2018 : 3694 2019 : 3627	2015 : RM 2,595,568.28 2016 : RM 2,909,608.85 2017 : RM 2,472,333.52 2018 : RM 2,789,760.40 2019 : RM 2,436,341.00
5.	Bantuan Bencana Alam	Meringankan beban sementara yang ditanggung oleh individu yang terlibat dengan bencana alam dan musibah seperti kebakaran dan ribut yang menyebabkan kerosakan atau kemusnahan harta benda	2015 : 765 2016 : 87 2017 : 94 2018 : 660 2019 : 2338	2015 : RM 638,900.00 2016 : RM 241,000.00 2017 : RM 180,683.90 2018 : RM 531,100.00 2019 : RM1,174,337.00
6.	Pusat Haemodialisis Zakat	1. Menyediakan kemudahan rawatan haemodialisis kepada pesakit yang beragama Islam 2. Meringankan beban kos rawatan pesakit 3. Melaksanakan tanggungjawab MAINPP sebagai badan yang menjaga kebijakan umat Islam di Pulau Pinang		2015 : RM 4,000,000.00 2016 : RM 4,000,000.00 2017 : RM 6,000,000.00 2018 : RM 2,020,973.38 2019 : RM 7,000,000.00
8.	Bantuan Perubatan Ringan	Membantu meringankan beban golongan Fakir dan Miskin yang tidak mampu bagi menampung pembayaran kos perubatan samada di pusat perubatan kerajaan ataupun swasta	2015 : 988 2016 : 1017 2017 : 994 2018 : 780 2019 : 898	2015 : RM 1,780,805.33 2016 : RM 2,008,631.42 2017 : RM 2,094,245.83 2018 : RM 1,702,707.26 2019 : RM 2,318,145.00
9.	Bantuan Rawatan dan Pembedahan	Membantu pesakit-pesakit yang menghadapi penyakit-penyakit kronik yang memerlukan rawatan ataupun pembedahan seperti kegagalan fungsi buah pinggang yang memerlukan rawatan dialisis, kanser dan sebagainya	2015 : 180 2016 : 201 2017 : 184 2018 : 210 2019 : 323	2015 : RM 1,304,439.40 2016 : RM 1,743,982.27 2017 : RM 1,639,418.07 2018 : RM1,689,553.25 2019 : RM 2,267,288.25

Aktiviti JAPM **Bantuan Bina Dan Baik Pulih Rumah**

Sebagai salah satu penyelesaian masalah miskin tegar di negeri Pulau Pinang melalui penyediaan kediaman baru kepada Fakir /Miskin.

Nilai bagi sebuah rumah baharu berjumlah RM57,500.00

Nilai bagi baikpulih berjumlah RM3,000.00 – RM20,000.00

Peruntukan tahunan berjumlah RM4.9 Juta.



Model rumah baharu asnaf 2019

Aktiviti JAPM **Bantuan Makanan Bulanan**

Meringankan bebanan kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan yang tetap setiap bulan dalam bentuk barang keperluan harian.

Jumlah bantuan bagi seorang penerima diantara RM180.00 - RM220.00 sebulan.

Perbelanjaan tahunan berjumlah RM1.67 Juta.




Aktiviti JAPM

Bantuan Makanan Bulanan

Penerima bantuan boleh memilih sendiri keperluan yang mereka inginkan di kedai yang ditetapkan bagi kegunaan seisi keluarga berdasarkan kedai dan kadar yang telah ditetapkan ZPP.

Kadar berkenaan sebanyak RM200.00
Penerima terdiri daripada penerima bantuan bulanan.



Aktiviti JAPM **Bantuan Awal Persekolahan / Pakaian Seragam**

Meringankan beban ibubapa untuk membeli pakaian seragam persekolahan anak mereka.

Setiap keluarga diberi baucar bernilai RM150.00 seorang untuk ditebus di kedai yang dilantik ZPP.

Pada tahun 2019 ZPP telah mengagihkan sebanyak RM5.8 Juta



Aktiviti JAPM **Bantuan Permulaan Ke IPT Dalam Dan Luar Negara**

Membantu meringankan beban para pelajar untuk menampung perbelanjaan awal kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi (IPTA/ PTS) dalam dan luar negara.

Kadar bantuan mengikut tahap pengajian bagi IPT :

Sijil	- RM600.00
Diploma	- RM800.00
Ijazah	- RM1000.00
Luar Negara	- RM1500.00 - 2000.00

ZPP telah membelanjakan RM5.5 Juta pada tahun 2019.



Aktiviti JAPM **Bantuan Bencana Alam**

Meringankan beban sementara yang ditanggung oleh individu yang terlibat dengan bencana alam dan musibah seperti kebakaran dan ribut dan sebagainya yang menyebabkan kerosakan atau kemusnahan harta benda.

Jumlah bantuan RM1,000.00 – RM6,000.00 bergantung pada kerosakan.

Peruntukan tahunan berjumlah RM400,000.00



Aktiviti JAPM **Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ)**

Ditubuhkan bagi membantu asnaf dalam mendapatkan rawatan dialisis secara percuma. Kos rawatan ditanggung sepenuhnya oleh ZPP.

Peruntukan pengurusan tahunan berjumlah RM9.0 Juta.
(*tertakluk pada perubahan)

Terdapat lapan cawangan PHZ seperti berikut :

- Butterworth
- Permatang Rawa
- Kepala Batas
- Tasek Gelugor
- Balik Pulau
- Nibong Tebal
- Georgetown
- Bayan Lepas



Aktiviti JAPM **Klinik Bergerak Zakat**

Memberi rawatan perubatan ringan secara percuma kepada penduduk Islam di Pulau Pinang.

Perkhidmatan ini bergerak ke kariah di seluruh Pulau Pinang dan telah beroperasi sejak dari tahun 2004.

Terdapat seorang doktor dan jururawat.



Aktiviti JAPM **Bantuan Perubatan**

Membantu meringankan beban golongan Fakir dan Miskin yang tidak mampu bagi menampung pembiayaan kos perubatan.

Contoh bantuan termasuk membekal peralatan kesihatan, pesakit yang menghidapi penyakit kronik, meringankan kos pembedahan pesakit dan pengurusan Pusat Haemodialisis Zakat.

Perbelanjaan pada tahun 2019 berjumlah RM11.4 Juta.



Aktiviti JAPM **Gerak Asnaf Jahitan**

Memberi bimbingan dan pekerjaan kepada asnaf fakir dan miskin menjahit pakaian seragam persekolahan. Pakaian seragam berkenaan akan diagihkan kembali kepada pelajar sekolah di Pulau Pinang.

Lokasi bengkel antaranya di:
Tasek Gelugor Teluk Air Tawar Cherok Tokun
Tanah Liat Balik Pulau Machang Bubuk
Mengkuang Mak Sulong

Perbelanjaan tahunan berjumlah RM193,000.00



Aktiviti JAPM **Gerak Asnaf Catering**

Memberi bimbingan dan pekerjaan kepada asnaf fakir dan miskin menyediakan makanan, pastri dan kuih-muih untuk dipasarkan atas nama Produk Usahawan Asnaf Zakat (PUAZ).



Projek Ekonomi Asnaf **Zakat-Mart**

Rangkaian kedai serbaneka yang beroperasi 16 jam.

Keutamaan kepada anak-anak asnaf.

Menyediakan peluang pekerjaan & ilmu perniagaan kepada asnaf & juga sebagai pusat pengedaran produk asnaf.

3 cawangan di sekitar Pulau Pinang.



Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang **(KITAB)**

Merupakan Institusi Pengajian Tinggi di Pulau Pinang yang dimiliki Oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang ditaja oleh Zakat Pulau Pinang.

KITAB berperanan mewujudkan pendidikan bersepadu meliputi intelek, rohani dan jasmani bagi melahirkan insan yang seimbang, harmonis dan berakhhlak mulia untuk memenuhi keperluan tenaga kerja dalam pembinaan generasi umat dan pembangunan negara.

Peruntukan tahunan berjumlah RM4.0 Juta.



Pusat Latihan Zakat (PULAZA)

Pusat Latihan Zakat (PULAZA) merupakan cadangan yang terhasil semasa Resolusi Bengkel Halatuju 10 Tahun PUZ (2003 - 2013).

Sebagai pusat latihan setempat yang lengkap dengan pelbagai kemudahan bagi pembangunan umat Islam khususnya di Negeri Pulau Pinang. Bangunan PULAZA dibina dan disumbangkan oleh Yayasan Al-Bukhary.

Menyediakan tempat kursus dan latihan kepada asnaf yang menerima bantuan zakat.

Bertempat di Pantai Acheh, Balik Pulau.

Perbelanjaan tahunan berjumlah RM490,000.00



Kompleks Darul Hidayah Rumah Transit Saudara Baru

Merupakan kompleks penginapan yang menempatkan golongan Muallaf yang tidak ada tempat untuk berlindung serta pusat mempelajari pengajian Agama Islam dengan lebih mendalam.

Pelbagai aktiviti keagamaan diadakan contohnya kelas fardhu ain, kelas mengaji Al-Quran dan sebagainya.

Lokasi terletak di Permatang Tok Gelam.

Perbelanjaan tahunan berjumlah RM975,000.00 (termasuk sumbangan kepada muallaf).



Inapan Kasih Sayang (IKS)

IKS ditubuhkan bagi membantu anak-anak asnaf mendapat pendidikan yang lengkap dan sempurna dari sekolah sehingga ke asrama melalui pembiayaan yuran persekolahan dan bantuan pakaian seragam persekolahan.

Kemudahan yang disediakan seperti kelas tuisyen, kelas agama, perpustakaan mini, bilik komputer dan sebagainya.

Penghuni terdiri daripada anak-anak asnaf tahun 4, 5 dan 6.

Lokasi kompleks terletak di Pongsu Seribu.

Perbelanjaan tahunan berjumlah RM1.8 Juta.



Projek Pendidikan Asnaf **Program Perakaunan** **Malaysia Professional Accountancy Centre (MyPAC)**

ZPP memperuntukkan RM577,500.00 bagi pelajar mengikuti program kursus perakaunan selama 4 tahun.

MyPAC ditubuhkan dengan objektif untuk meningkatkan bilangan akauntan bertauliah Bumiputera dalam tempoh lima tahun akan datang selaras dengan agenda pemerkasaan bumiputera oleh kerajaan.

Zakat Pulau Pinang telah menaja seramai 100 orang pelajar asnaf yang terdiri daripada kalangan huffaz untuk mengikuti kursus di NAZA Academy.



Projek Pendidikan Asnaf **Program Latihan Kemahiran** **NAZA KIA Academy Sdn Bhd**

Latihan disediakan oleh pihak NAZA KIA Akademy yang bertempat di Gurun, Kedah.

Kursus dalam bidang Juruteknik Automotif dan Penyembur Cat Automotif untuk sijil tahap 2 & 3.

Zakat Pulau Pinang memperuntukkan kos perbelanjaan sebanyak RM406,740.00 pada 2019 yang meliputi perbelanjaan yuran pengajian, kos makanan & minuman, caj penginapan, elauan tenaga pelajar dan nota.



Projek Pendidikan Asnaf **Program Latihan Kemahiran** **Penang Skill Development Center (PSDC)**

Sijil yang ditawarkan ialah Sijil Teknologi Pemesinan Kepersisan tahap 1 & 2 dan juga Diploma Kejuruteraan.

Kursus ini akan memberi latihan dan pengalaman asas kepada pelajar mengenai proses pemesinan terutamanya dalam proses Turning, Miling dan Grinding.

Ambilan Pelajar 2015 - 2019 adalah sebanyak 381 orang.



Projek Pendidikan Asnaf **Program Latihan Kemahiran** **Kulim Advanced Technologies Sdn Bhd**

Membantu anak-anak asnaf di Pulau Pinang bagi mendapat lebih banyak pengetahuan tentang teknologi dan seterusnya memberi peluang pekerjaan kepada mereka kelak.

Setakat ini seramai 20 orang pelajar terpilih dengan kursus yang ditawarkan ialah Pemesinan CNC Tahap 2 dan Automasi Industri dan Robotik.

Tajaan berjumlah RM11,000.00 seorang.



Projek Pendidikan Asnaf **Projek “Preparation Class”**

“Prep Class” adalah merupakan kemudahan tempat yang disediakan oleh ZPP bagi pelajar yang tidak mempunyai tempat mengulangkaji dan membuat kerja sekolah. Tempat yang kurang kemudahan ini antaranya di flat dan kawasan tertentu.

“Prep Class” ini diwujudkan dengan kerjasama daripada pihak Jawatan kuasa Kariah Masjid / Surau. Kini terdapat 12 buah pusat dengan pelajar seramai 454 orang.

Tenaga pengajarnya terdiri daripada guru-guru sekolah dan mereka ini dibayar eluan berdasarkan jumlah jam penyeliaan. Tempoh kelas adalah selama 3 jam bermula 8:00 - 10:00 malam.

Antara kemudahan yang disediakan adalah seperti perabot asas, bayaran bil utiliti, makanan dan minuman dengan nilai peruntukan tahunan berjumlah RM366,000.00



Projek Pendidikan Asnaf **Mutiara Program Didik Cemerlang Akademik (MPDCA)**

MPDCA adalah program bersepadu di antara Zakat Pulau Pinang, JPN, ICU, dan PERDA yang melibatkan 100 buah sekolah sekitar Pulau Pinang.

Semua calon UPSR & SPM yang beragama Islam di Pulau Pinang berpeluang untuk mendapat tuisyen secara percuma dengan menggunakan modul-modul khas.

ZPP memperuntukkan RM1.6 Juta setiap tahun.



Laporan Bahagian Pendidikan

Bantuan Awal Persekolah

DAERAH	2019		2018	
	PENERIMA	AMAUN (RM)	PENERIMA	AMAUN (RM)
SEBERANG PERAI UTARA	1240	761,450.00	1516	972,300.00
BUTTERWORTH	671	411,800.00	916	586,800.00
SEBERANG PERAI TENGAH	1524	939,550.00	2123	1,338,650.00
SEBERANG PERAI SELATAN	646	405,800.00	997	627,500.00
BARAT DAYA	512	311,500.00	873	553,350.00
TIMUR LAUT	308	187,250.00	484	297,550.00
JUMLAH	4901	3,017,350.00	6,909	4,376,150.00

Bantuan Permulaan Ke IPT dalam Negara

DAERAH	2019		2018	
	PENERIMA	AMAUN (RM)	PENERIMA	AMAUN (RM)
SEBERANG PERAI UTARA	1404	1,212,700.00	1415	1,226,600.00
BUTTERWORTH	683	584,600.00	700	608,100.00
SEBERANG PERAI TENGAH	1577	1,324,100.00	1712	1,461,700.00
SEBERANG PERAI SELATAN	755	640,900.00	783	681,500.00
BARAT DAYA	970	829,200.00	861	731,500.00
TIMUR LAUT	661	565,300.00	687	586,500.00
LUAR PULAU PINANG	137	122,800.00	166	149,400.00
JUMLAH	6187	5,279,600.00	6,325	5,295,900.00

Laporan Bahagian Pendidikan

Bantuan Permulaan IPT Luar Negara

DAERAH	2019		2018	
	PENERIMA	AMAUN (RM)	PENERIMA	AMAUN (RM)
SEBERANG PERAI UTARA	49	96,500.00	37	74,500.00
BUTTERWORTH	14	26,500.00	14	27,000.00
SEBERANG PERAI TENGAH	33	63,000.00	43	80,595.20
SEBERANG PERAI SELATAN	11	22,000.00	20	37,534.60
BARAT DAYA	13	25,000.00	21	41,500.00
TIMUR LAUT	14	27,000.00	12	24,000.00
LUAR PULAU PINANG	12	50,500.00	1	4,138.40
JUMLAH	146	283,500.00	148	289,268.20

Sumbangan Kepada Aktiviti Keagamaan, Program Kariah / Pertubuhan

DAERAH	2019		2018	
	PENERIMA	AMAUN (RM)	PENERIMA	AMAUN (RM)
SEBERANG PERAI UTARA	22	24,000.00	24	35,500.00
BUTTERWORTH	9	7,500.00	13	13,000.00
SEBERANG PERAI TENGAH	35	70,474.00	43	111,342.00
SEBERANG PERAI SELATAN	13	36,000.00	10	14,500.00
BARAT DAYA	12	10,500.00	20	23,000.00
TIMUR LAUT	45	107,240.00	35	70,600.00
LUAR PULAU PINANG	-	-	-	-
JUMLAH	136	255,714.00	145	267,942.00

Laporan Bahagian Pendidikan

Sumbangan Kepada Aktiviti Keagamaan, Program Motivasi

DAERAH	2019		2018	
	PENERIMA	AMAUN (RM)	PENERIMA	AMAUN (RM)
SEBERANG PERAI UTARA	8	4,500.00	12	11,500.00
BUTTERWORTH	6	6,500.00	8	11,000.00
SEBERANG PERAI TENGAH	9	4,500.00	15	17,800.00
SEBERANG PERAI SELATAN	2	2,500.00	6	9,500.00
BARAT DAYA	2	1,000.00	2	3,000.00
TIMUR LAUT	8	2,000.00	13	16,500.00
LUAR PULAU PINANG	-	-	-	-
JUMLAH	35	65,050.00	56	69,300.00

Program Kemudahan Tempat Belajar (*Prep Class*)

DAERAH	2019		2018		AMAUN (RM)	
	PENERIMA		AMAUN (RM)	PENERIMA		
	GURU	PLJR		GURU	PLJR	
SEBERANG PERAI UTARA	9	160			158	30,424.00
BUTTERWORTH	14	238		7	114	13,619.45
SEBERANG PERAI TENGAH	8	138		8	178	18,135.70
SEBERANG PERAI SELATAN	-	-		-	-	-
BARAT DAYA	3	45		-	-	-
TIMUR LAUT	1	22		1	22	
JUMLAH	32	1,106	144,600.00	27	472	63,085.50

Laporan **Bahagian Pendidikan**

Agihan Baucar Tunai Peralatan Sekolah ZPP

DAERAH	2019	JUN 2018
	PENERIMA	PENERIMA
ADUN	7,599	5,681
PARLIMEN	1,323	1,500
PENYELARAS KADUN	550	1,450
ALP/MAINPP	1949	911
SEKOLAH	6,887	6,847
KAUNTER ZPP	323	311
JUMLAH	18,631	16,700



Program **Makmal Pembangunan Asnaf**



Pelancaran **'Skim Kafalah Mahabbah'** (Skim Khairat Kematian)

Dilancarkan pada 31 Ogos 2019, 'Skim Kafalah Mahabbah' adalah satu KHAIRAT KEMATIAN atau satu tabung sumbangan ikhlas dari ZPP yang diberikan kepada waris pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan zakat apabila berlaku kematian terhadap pembayar zakat dan penerima bantuan zakat bulanan di Pulau Pinang. Ianya tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh ZPP.

Skim Kafalah ini merupakan satu skim khairat kematian atau satu tabung sumbangan ikhlas yang diberikan kepada waris pembayar zakat dan penerima zakat dan penerima bantuan bulanan zakat di Pulau Pinang.

Objekti:

- Memberi perlindungan kepada waris pembayar atau asnaf penerima bantuan bulanan zakat bagi kematian biasa.
- Meringankan sedikit bebanan yang ditanggung kepada ahli waris apabila berlakunya kematian.
- Sebagai skim bantuan tambahan kepada asnaf penerima bantuan bulanan zakat.

Kadar Sumbangan Skim Kafalah Mahabbah Zakat Pulau Pinang

Manfaat yang akan diterima kepada waris pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan sebanyak RM1,000 setiap orang.

Misi **Bantuan Kemanusiaan**

Akaun Khas “**Tabung Bantuan Kemanusiaan ZPP**” (sebelum ini dikenali sebagai Tabung Sukarelawan ASEAN-Zakat Pulau Pinang IWAZA) diwujudkan sejak tahun 2007 dan diambil 1% daripada kutipan zakat semasa atau nilai maksimum RM 500,000.00. Rekod bantuan yang pernah diberikan.

**Projek Pendidikan REC
Pelarian Rohingya
RM 120,000 Setahun**



**Bantuan Kemanusiaan
Musim Sejuk Syria 2017
RM 200,000.00**



**Bantuan Kemanusiaan
Palestin 2012
RM 100,000.00**




**Bantuan Mangsa
Banjir Kelantan 2014
RM 400,000.00**



**Bantuan Kemanusian
Kemboja dan Vietnam
2016-2018
RM 284,200.00**



**Gempa Bumi
Lombok 2018
RM 30,000.00**



Zakat Pulau Pinang Dalam Akhbar



HARI TERAKHIR 2019!!

Tidak sempat hadir ke kaunter untuk tunai zakat hari ini!!
Jangan risau, anda masih berpeluang membayar zakat
dengan melakukannya secara atas talian.

- 1 Bayaran melalui FPX
- 2 Bayaran melalui Jom PAY
- 3 Bayaran melalui Perbankan Internet

Maklumat lanjut bayaran layari www.zakatpenang.com
Tunai zakat sebelum **31 Disember 2019** untuk REBAT cukai pendapatan 2019

+60 4 549 8088 www.zakatpenang.com


PEMACU KEHARMONIAN UMMAH
1994 - 2019



Terima kasih
Pembayar Zakat Kerana Bersama Kami
Menyantuni Asnaf Sepanjang Tahun 2019

Amran Hazali
Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang


+60 4 549 8088 www.zakatpenang.com

Zakat Pulau Pinang Dalam Akhbar

WACANA **Sinar** SIRI 146

**ANDA BAYAR,
KAMI URUS**

19 DISEMBER 2019
KHAMIS / 8.30 MALAM
DEWAN KARANGKRAF, SEKSYEN 15, SHAH ALAM

Panelis RUSLAN SAID Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji

Panelis AMRAN HAZALI CEO Zakat Pulau Pinang, MAINPP

Moderator AZLAN SHAH NEBEEZ KHAN CEO ARBA Foundation

Panelis DATUK DR IZHAR ARIFF Pendakwah

Dengan kerjasama PEMACU KEHARMONIAN UMMAH 1994 - 2019

Saksikan juga secara langsung di www.sinarharian.com.my
f Sinar Harian @SinarOnline

SEARCH QR CODE FOR SINARHARIAN.COM.MY

MAKLUMAN

Kaunter Perkhidmatan Zakat Pulau Pinang beroperasi seperti biasa
7 hari seminggu
(KECUALI Kaunter Masjid Negeri (Air Itam) & Balik Pulau pada minggu pertama & kedua)

SABTU, AHAD & CUTI UMUM 9.00 PAGI - 3 PETANG

Tunai Zakat Sebelum **31 Disember 2019**

Melayakkan anda menikmati **Rebat Cukai Pendapatan** Bagi Tahun Semasa [ACP 1967, Seksyen 6A(3)]

25 ZAKAT
PEMACU KEHARMONIAN UMMAH
1994 - 2019

+60 4 549 8088

www.zakatpenang.com

QR Codes for website and Facebook page

Zakat Pulau Pinang Dalam Akhbar

JomZakat dengan JomPAY

Tunai zakat melalui Perbankan Internet atau JomPay.

Mudah & Cepat

Jom PAY

Langkah untuk JomZakat JomPAY :

- 1 Layari Laman web www.zakatpenang.com
- 2 Pilih Bayar Zakat & daftar maklumat anda terlebih dahulu melalui Borang JomPAY online
- 3 Sila catatkan Biller Code ZPP : 1453 dan Ref-1 setelah maklumat pendaftaran JomPAY diisi.
- 4 Layari mana - mana Perbankan Internet anda untuk proses pembayaran.

Contoh :
Biller Code : 1453
Ref-1 : 201910080010

Nota : Ref-1 adalah berbeza bagi setiap transaksi dan anda perlu mengisi semula Borang JomPAY online bagi mendapatkan Ref-1 untuk transaksi seterusnya.

Tunaikan Zakat Sebelum **31 Disember 2019**, Untuk melayakkkan Anda Menikmati Rebat Cukai Pendapatan LHDN Bagi Tahun Semasa [(ACP 1987,Seksyen 6A(3)]

+60 4 549 8088 www.zakatpenang.com

PELANCARAN BULAN ZAKAT NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2019

Tarikh: 2 Nov 2019 | Masa: 11:00 pagi - 6:00 petang
Tempat: Ruang Legar Pentas Utama, Mydin Mall Bukit Mertajam

YB DATO' Ir. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN BIN ABD. RAHMAN
(Timbalan Setia Menteri 1, Pulau Pinang)

YBHD DATO' ABDUL MALIK BIN ABUL KASSIM
(Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang)

ABU MAMU
HAFIZ HAMIDUN
(Penampilan Khas)

IWAN SYARMAN

Tentatif Program

11:00 am	Pemeriksaan Kesihatan PERCUMA & Kempen Derma Darah
12:00 pm	Perandingan Mewarna Kanak-kanak
2:00 pm	Pendaharan Penerima Bantuan Zakat
1:45 pm	Sembang Santai Zakat Bersama Selebriti
3:00 pm	Keributan Tetamu Jemputan
3:10 pm	Keributan YBhg Dato' Haj Abdul Malik Bin Abdul Kaseem Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang
3:15 pm	Keributan YB. Dato Ir. Haj Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman Timbalan Setia Menteri 1, Pulau Pinang
	Bacaan Doa
	Ucapan Aluan Oleh Enok Amran Bin Hazali Ketua Pegawai Eksekutif, Zakat Pulau Pinang
3:30 pm	Jamuan / Bersara

✓ Sembang Santai Zakat Bersama Selebriti
✓ Penampilan Khas Hafiz Hamidun
✓ Pertandingan Mewarna Kanak-kanak
✓ Pemeriksaan Kesihatan PERCUMA
✓ Kempen Derma Darah
✓ Penyerahan Bantuan Permulaan IPT

Zakat Pulau Pinang Dalam Akhbar

KOMPLEKS DARUL HIDAYAH (RUMAH TRANSIT SAUDARA KITA)

- ▶ Merupakan kompleks penginapan yang menempatkan golongan Muallaf yang tidak ada tempat untuk berlindung.
- ▶ Mereka juga dapat mempelajari Agama Islam dengan lebih mendalam.
- ▶ Pelbagai aktiviti keagamaan diadakan contohnya kelas fardhu ain, kelas mengaji Al-Quran dan sebagainya.



Alamat :

**KOMPLEKS DARUL HIDAYAH
(RUMAH TRANSIT SAUDARA KITA)**
Permatang Tok Gelam,
13100 Penaga,
Seberang Perai Utara
Tel : 04 3514658 / 04 3516431
Faks : 04-351 4658



+60 4 549 8088

www.zakatpenang.com



SKIM KAFALAH MAHABBAH ZAKAT PULAU PINANG (SKMZPP)

APA ITU SKIM KAFALAH MAHABBAH ZAKAT PULAU PINANG?

Skim Kafalah ini merupakan satu skim khairat kematian atau satu tabung sumbangan ikhlas dari ZPP yang diberikan kepada waris pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan zakat apabila berlaku kematian terhadap pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan zakat di Pulau Pinang serta tertakluk kepada terma dan syarat yang ditentukan oleh ZPP.

DEFINISI

Secara ringkasnya Al-Kafalah berasal dari kata kafala (menanggung) merupakan jaminan yang diberikan oleh penanggung (kafil) kepada pihak ketiga untuk memenuhi kewajiban pihak kedua atau yang ditanggung.

OBJEKTIF

Antara objektif penubuhan Skim Kafalah Mahabbah Zakat Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- Memberi perlindungan kepada waris pembayar atau asnaf penerima bantuan bulanan zakat bagi kematian biasa.
- Meringankan sedikit bebanan yang ditanggung kepada ahli waris apabila berlakunya kematian.
- Sebagai skim bantuan tambahan kepada asnaf penerima bantuan bulanan zakat.



Kadar Sumbangan Skim Kafalah Mahabbah Zakat Pulau Pinang

Manfaat khairat kematian bagi setiap kematian pembayar zakat dan penerima bantuan bulanan sebanyak RM1,000 setiap seorang.

**Tertakluk terma & syarat

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi kami di Zakat Pulau Pinang



+604 549 8088



www.zakatpenang.com



Zakat Pulau Pinang Dalam Akhbar

Bagaimana Imej Zakat Pulau Pinang (ZPP) Sekarang?

25 ZAKAT
PEMACU KEHARMONIAN UMMAH
1994 - 2019

KETIKA beberapa pihak menimbulkan pelbagai isu tentang institusi-institusi Islam kebelakangan ini, apakah ada institusi-institusi Islam ini yang menyorot persepsi masyarakat terhadap mereka dan kedudukan imej mereka di mata masyarakat?

Sorotan persepsi masyarakat dan imej institusi-institusi Islam ini adalah sangat penting bagi ins-

titusi-institusi Islam sendiri. Persepsi masyarakat akan membina imej institusi. Persepsi yang positif akan membina imej yang baik. Sebaliknya, imej yang negatif akan membina imej yang buruk. Persepsi dan imej yang baik akan membawa banyak manfaat, manakala imej yang buruk akan membawa kerugian bukan sahaja kepada institusi-institusi Islam itu sendiri, tetapi juga kepada Islam dan ummahnya.

Atas kesedaran ini, Zakat Pulau Pinang (ZPP) pada tahun lepas (2018) telah mengambil satu langkah pro-aktif. ZPP melantik sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Malaysia

untuk menyoroti kedudukan imej ZPP masakini. Tujuannya ialah untuk mengetahui kedudukan imej ZPP melalui persepsi muzakki (pembayar zakat), asnaf atau mustahik (penerima zakat), dan orang awam. Kemudiannya, berdasarkan kepada dapatan penyelidikan ini, ZPP berhasrat berusaha memantapkan lagi imej tersebut, agar keyakinan masyarakat terhadap ZPP makin kuat, pungutan zakat makin meningkat, dan pengagihan zakat dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan meluas.

Penyelidikan ini dipimpin oleh salah seorang Ahli Lembaga Pengarah ZPP sendiri yang juga merupakan seorang Profesor Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) di Universiti Sains Malaysia.

Ahli-ahli kumpulan penyelidiknya pula terdiri daripada seorang pensyarah Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) yang pakar dalam bidang pemasaran dan dua orang pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi yang masing-masing pakar dalam bidang penjenamaan dan pembinaan imej.

Dalam merealisasikan penyelidikan ini, sejumlah 1,000 orang responden telah terlibat dalam menggunakan persepsi mereka masing-masing. 350 orang daripada mereka terdiri daripada muzakki, 348 orang terdiri daripada asnaf, dan 302 orang terdiri daripada orang awam. Para responden ini diambil daripada kelima-lima daerah negeri Pulau Pinang, yakni Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya, Daerah Seberang Perai Selatan, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Utara.

Mereka masing-masing diminta memberikan persepsi mereka tentang enam perkara yang berkaitan dengan ZPP. Perkara-perkara tersebut ialah pertama, kerelevanan ZPP; kedua, keyakinan mereka terhadap ZPP; ketiga, prestasi dan kualiti perkhidmatan ZPP; keempat, perkhidmatan yang disediakan ZPP; kelima, sokongan dan kualiti ZPP; dan akhir sekali yang keenam, kesedaran dan pengetahuan responden tentang ZPP.

Dapatkan daripada penyelidikan ini cukup memberangsangkan. Secara keseluruhannya, imej ZPP berdasarkan kepada persepsi para responden ini adalah sangat baik. Misalnya, majoriti ketiga-tiga kumpulan responden ini tidak ada sangsi tentang kerelevan ZPP. 89.95% daripada asnaf, 77.10% daripada muzakki dan 76.82% daripada orang awam merasakan bahawa ZPP adalah relevan, terutamanya untuk perkembangan sular Islam dan 2 dalam memastikan kesejahteraan umat Islam (Jadual 1). Malah kumpulan asnaf mengakui bahawa bantuan zakat daripada ZPP membantu kehidupan mereka secara langsung. Bagi mereka, ZPP bukan sahaja merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan penting dalam pembangunan kehidupan dan mengukuhkan ekonomi umat Islam di Pulau Pinang, tetapi juga penting kepada kehidupan peribadi mereka.

**ZAKAT PULAU PINANG
MAMPU MEMBANTU DAN
MEMERKUHKAN EKONOMI
UMAT ISLAM DI PULAU PINANG**
W.J. Jalan Pantai Seberang,
Banda Pinang 10000 Negeri Pulau Pinang.

BANTUAN SARAHIDUP KEWANGAN BULANAN ZAKAT PULAU PINANG

Terdakwa pada percutian

25 ZAKAT
PEMACU KEHARMONIAN UMMAH
1994 - 2019

Tunaikan Zakat Sebelum **31 Disember 2019**, Untuk melayakkan Anda Menikmati Rebah Cukai Pendapatan LHDN Bagi Tahun Semasa [(ACP 1967,Seksyen 6A(3)]

Meringankan beban kewangan golongan Fakir dan Miskin yang memerlukan bantuan saraan kewangan yang tetap setiap bulan.

Jumlah bantuan bagi seorang penerima diantara RM300.00-RM2,500.00 sebulan.

Perbelanjaan tahunan berjumlah *RM13.5 juta

[zakatponang](#)



Ucapan
Terima Kasih dan Penghargaan
kepada Akhbar dan Media

Zakat Pulau Pinang
ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak akhbar dan media kerana telah memberikan kerjasama dan sokongan dalam mempromosi dan menyiaran berita-berita tentang Zakat Pulau Pinang sepanjang tahun 2019.

Alamat **Perhubungan - Media Sosial**



Telefon & Faks :
04-549 8088 / 04-530 6466



Hotline :
1 300 88 8808



Website :
www.zakatpenang.com



Emel rasmi :
admin@zakatpenang.com



Facebook :
www.facebook.com/zakatpenang



Youtube :
www.youtube.com/zakatpenang



Instagram :
www.instagram.com/zakatpenang



Twitter :
www.twitter.com/zakatpenang

Saluran **Bayaran Zakat**



1. Kaunter Perkhidmatan Zakat



2. Perbankan Internet



3. Skim Potongan Zakat Bulanan



4. JomPAY



Zakat Pulau Pinang

No. 4, Jalan Perda Selatan, Bandar Perda,
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

No Tel : +604-549 8088

No Fax : +604-530 6466

Emel : admin@zakatpenang.com

Laman Web : <http://www.zakatpenang.com/zpp/>

Facebook : www.facebook.com/zakatpulaupinang